



27 FEB, 2025

TNB terus beri manfaat sebagai tulang belakang ekonomi negara

Berita Harian, Malaysia



TNB terus beri manfaat sebagai tulang belakang ekonomi negara

Logan Pyman,
Melaka

Bila kita bercakap mengenai ekonomi negara, ramai yang terarah kepada dasar kerajaan, pelaburan asing atau industri besar, tetapi tidak ramai menyedari syarikat tempatan juga memainkan peranan penting dalam menggerakkannya dan secara tidak langsung membantu rakyat.

Antara sebab ekonomi kita kekal kukuh adalah kerana pelaburan strategik oleh institusi seperti Khazanah Nasional Berhad (Khazanah).

Tahun lalu, Khazanah diiktiraf sebagai antara dana kekayaan berdaulat paling berjaya dengan kenaikan dalam pulangan tahunan sebanyak 24.6 peratus.

Sebahagian besar kejayaan ini datang daripada pelaburan dalam syarikat yang kukuh seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Sebagai syarikat tenaga terbesar negara, TNB bukan sekadar memastikan bekalan elektrik kita stabil, tetapi juga menyumbang kepada keuntungan pelabur institusi seperti Khazanah, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP).

Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, TNB membayar dividen sebanyak RM18.21 bilion kepada pemegang sahamnya. Dividen ini secara tidak langsung memberi manfaat kepada jutaan rakyat Malaysia yang bergantung kepada dana

berkenaan untuk simpanan dan pelaburan masa depan.

Selain dividen, TNB juga banyak membantu kestabilan ekonomi negara. Sebagai syarikat gergasi, ia bukan sahaja mengurus sektor tenaga, tetapi juga menjadi penyumbang utama dalam pelaburan yang memacu pertumbuhan sektor lain.

Menerusi keuntungan yang diperoleh, Khazanah dapat menubuhkan syarikat seperti Jelawang Capital serta memperkasakan inisiatif Dana Impak yang bertujuan meningkatkan potensi ekonomi Malaysia.

Malah, ketika pandemik melanda, Khazanah terpaksa melepaskan sebahagian pegangannya dalam TNB untuk membantu kerajaan dalam pakej rangsangan ekonomi. Ini membuktikan bagaimana aset kukuh seperti TNB boleh menjadi benteng negara ketika berhadapan dengan situasi ekonomi yang amat mencabar.

Kunci pertumbuhan ekonomi mampan

Pelaburan dalam syarikat stabil seperti TNB adalah kunci kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan. Kejayaan Khazanah dengan pulangan 24.6 peratus tahun lalu memang tidak boleh dipisahkan daripada dividen konsisten yang diberikan oleh TNB.

Untuk memastikan ekonomi negara terus berkembang, kita perlu memastikan syarikat teras

seperti TNB kekal kukuh dan berjaya. Setiap pelaburan pasti ada risiko, tetapi TNB sudah membuktikan bahawa ia mampu menjadi penyumbang utama kepada dana kekayaan negara.

Bukan itu sahaja, TNB juga giat melabur dalam tenaga boleh diperbaharui, selari dengan usaha kerajaan untuk mencapai sasaran tenaga hijau dan mengurangkan jejak karbon negara.

Menerusi pelbagai inisiatif seperti 'solar farm', projek hidroelektrik dan penyelidikan tenaga baharu, TNB bukan sahaja memastikan kelangsungan tenaga untuk masa depan, tetapi juga menjadi pemain utama dalam peralihan tenaga yang lebih lestari.

Ini membuktikan bahawa selain memberikan pulangan kepada pelabur, TNB juga memainkan peranan penting dalam agenda pembangunan negara secara menyeluruh.

Sebagai rakyat Malaysia, inilah yang kita inginkan. Kita patut menghargai peranan syarikat tempatan dalam memacu ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Kejayaan syarikat seperti TNB bukan hanya memberikan manfaat kepada pelabur institusi, tetapi juga kepada kita menerusi pembayaran dividen.

Semoga kejayaan ini dapat diteruskan dan menjadi inspirasi kepada syarikat lain untuk sama-sama membangunkan ekonomi negara.